

16/06/1999

Rumah Syed Sheikh Al-Hadi dijadikan memorial, pustaka

GEORGETOWN, Selasa - Kerjasama Jabatan Arkib Negara dan Jabatan Muzium dapat merealisasikan cadangan memulihara kediaman pelopor kesusasteraan Melayu moden, Syed Sheikh Al-Hadi di Jalan Jelutong dekat sini, yang kini berfungsi sebagai rumah ibadat masyarakat Tionghua.

Pengarah Memorial, Zainol Abdul Rahman, berkata usaha memulihara bangunan bersejarah itu boleh dilaksanakan mengikut konsep memorial dan pustaka.

"Sebelum ini, konsep seumpama itu juga digunakan untuk mewujudkan Memorial Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur, rumah P Ramlee di Pulau Pinang dan juga kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kedah.

"Bangunan kediaman Syed Sheikh Al-Hadi boleh diambil alih untuk dijadikan pusat kajian pengembangan membabitkan sumbangannya dalam bidang kesusasteraan, agama dan juga semangat nasionalisme yang dipelopornya pada 1920an," katanya ketika dihubungi Berita Harian di Kuala Lumpur, hari ini.

Menurut Zainol, mengikut konsep itu, pemuliharaan bangunan berkenaan akan dikekalkan seperti asal dan hasil karya Syed Sheikh turut dipamerkan di situ.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Arkib Negara ketika dihubungi berkata, pihaknya boleh membantu menyediakan hasil karya sasterawan Melayu berkenaan seperti buku, cerpen, surat persendirian dan gambar.

Menurutnya, jawatankuasa khas akan dibentuk sebelum bantuan disalurkan untuk memastikan bahan yang disediakan bersesuaian dengan konsep yang diperlukan untuk seseorang tokoh.

Sebelum ini, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, mengarahkan Kerajaan Pulau Pinang menyelesaikan isu kediaman pelopor sasterawan Melayu moden itu.

Menurutnya, bangunan itu mempunyai sejarahnya sendiri dan ia seharusnya dipulihara untuk mengekalkan ciri-ciri sejarah berkaitan Syed Sheikh Al-Hadi serta sumbangannya kepada kebangkitan semangat nasionalisme dan kesusasteraan.

Sebelum ini, Berita Harian mengutarakan isu kediaman Syed Sheikh Al-Hadi apabila beberapa pertubuhan menyuarakan keprihatinan mereka supaya kerajaan negeri mengambil alih dan memulihara warisan sasterawan itu.

Walaupun pernah beberapa kali isu ini dikemukakan untuk perhatian kerajaan negeri, sehingga kini tiada sebarang tindakan dilakukan, lebih-lebih lagi kediaman itu sudah menjadi milik seorang individu berbangsa asing.

Kediaman itu suatu ketika dahulu pernah menjadi pusat kegiatan penulis pada awal 1900-an, termasuk ulama dan sasterawan Melayu, Sheikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari yang juga bapa kepada Tun Hamdan Sheikh Tahir, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang sekarang.

Kerjasama erat Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir menghasilkan penerbitan majalah tabloid, Al-Imam pada 1906 di Singapura sebelum pusat kegiatan penulis itu berkembang di Pulau Pinang.

(END)